

SIARAN MEDIA

STEVEN SIM: KUSKOP KEMENTERIAN PERTAMA LAKSANA PEROLEHAN BERIMPAK SOSIAL, KOMIT MINIMUM RM300,000 KEPADA PERUSAHAAN SOSIAL

PETALING JAYA, 30 Julai - Seramai **10 organisasi** hari ini menjadi kumpulan perintis yang menandatangani **PRISMA Social Pledge**, sekali gus menzahirkan komitmen untuk mengarusperdanakan amalan perolehan berimpak sosial (*social impact procurement*) dalam organisasi masing-masing.

Pada majlis sama, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Steven Sim Chee Keong turut mengumumkan bahawa **KUSKOP menjadi kementerian pertama di Malaysia** yang melaksanakan komitmen perolehan berimpak sosial menerusi kerangka **Perolehan Impak Sosial Malaysia (PRISMA)**, selain memperkenalkan pengecualian yuran penarafan perusahaan sosial sehingga **17 September 2026**.

YB Steven Sim Chee Keong berkata, perusahaan sosial perlu dibangunkan berasaskan model perniagaan yang mampan, dan bukan bergantung kepada simpati atau derma semata-mata.

“Perusahaan sosial perlu kekal berpegang kepada misi sosial mereka, tetapi pada masa yang sama mempunyai model perniagaan yang lestari bagi membolehkan mereka berkembang dan memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat,” katanya ketika merasmikan Konvensyen Ekosistem Perusahaan Sosial (KEPS) 2026 di sini hari ini.

Menurut beliau, sehingga kini sebanyak **649 perusahaan sosial** telah menerima penarafan KUSKOP, meliputi **328 Perusahaan Sosial Tunas, 253 Perusahaan Sosial Asas dan 68 Perusahaan Sosial Akreditasi**.

Beliau menambah, jumlah tersebut masih jauh daripada sasaran Malaysia **Social Entrepreneurship Blueprint 2030 (SEMy2030)** yang mensasarkan 5,000 perusahaan sosial menjelang tahun 2025. Justeru, usaha memperkukuh ekosistem perusahaan sosial perlu dipergiatkan.

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat mendapatkan penarafan, YB Steven Sim turut mengumumkan bahawa bermula **1 Ogos hingga 17 September 2026**, sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia, **INSKEN akan menanggung sepenuhnya**

yuran penarafan Perusahaan Sosial Asas sebanyak RM50 serta Perusahaan Sosial Akreditasi sebanyak RM300.

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) adalah sebuah agensi di bawah KUSKOP yang menguruskan Program Penarafan Perusahaan Sosial Malaysia.

YB Steven Sim berkata, syarikat yang berjaya memperoleh status Perusahaan Sosial Akreditasi turut layak menikmati pengecualian cukai sehingga **31 Disember 2027**.

Dari aspek pembiayaan, beliau menyatakan bahawa KUSKOP menyediakan hampir **RM20 juta** khusus untuk pembangunan perusahaan sosial melalui pelbagai skim. Ini termasuklah **Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial SME Bank** yang menawarkan pembiayaan sehingga **RM500,000** pada kadar serendah **3 peratus**, serta Program Penggalakan Koperasi sebagai Perusahaan Sosial (SERASI) oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Beliau turut memperkenalkan **Perolehan Impak Sosial Malaysia (PRISMA)** sebagai pendekatan baharu yang menggalakkan agensi kerajaan dan syarikat swasta mengambil kira impak sosial dalam aktiviti perolehan mereka, di samping menyokong produk dan perkhidmatan yang ditawarkan perusahaan sosial.

Sebagai peneraju pelaksanaan inisiatif itu, KUSKOP menyasarkan nilai perolehan berimpak sosial kementerian **meningkat kepada sekurang-kurangnya RM300,000 tahun ini berbanding RM100,000** yang direkodkan pada tahun lalu.

Beliau berkata, KUSKOP akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam membantu perusahaan sosial mengatasi pelbagai cabaran termasuk penarafan, pembiayaan, akses pasaran dan penskalaan perniagaan bagi memastikan sektor tersebut terus berkembang sebagai rakan strategik kerajaan dalam memacu pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara.

Hebatkan Perniagaan Malaysia.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAWAN DAN KOPERASI
30 JULAI 2026

